

ABSTRAK KAJIAN

Kedatangan Aidiladha seluruh dunia seringkali dikaitkan mengiringi hari Arafah dengan tanggapan hari raya tersebut disambut setelah selesainya jemaah haji berwukuf. Atas tanggapan berkenaan, terdapat golongan yang menyatakan bahawa kaedah penentuan Aidiladha negara Malaysia masa kini yang berpandukan cerapan hilal Zulhijjah sendiri sebagai tidak menepati syariat Islam serta menggesa penggunaan semula kaedah penentuan berpandukan ketetapan hari wukuf seperti yang pernah diamalkan negara dari tahun 1968 hingga 1993. Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti kaedah yang lebih menepati syariat Islam dan menentukan sama ada kaedah penentuan yang digunapakai negara Malaysia masa kini tepat atau tidak dengan meneliti semula kaedah penentuan hari perayaan tersebut pada zaman Rasulullah SAW dan generasi silam. Kajian juga dilaksanakan untuk menentukan sejauh mana pengambilkiraan *maṭla'* terhadap penentuan Aidiladha serta kesan sekiranya negara Malaysia menerimapakai hasil kenampakan hilal Zulhijjah negara Arab Saudi. Metodologi kajian adalah berpandukan kajian perpustakaan sementara data-data kenampakan hilal kedua-dua negara dari tahun 1415H hingga 1431H dianalisis menggunakan perisian MoonCalc5.2 untuk menentukan faktor perbezaan tarikh sambutan Aidiladha kedua-dua negara. Dapatan kajian menunjukkan tradisi penentuan Aidiladha sejak mula adalah berpandukan kenampakan hilal memandangkan ibadah haji disyariatkan lebih lewat berbanding hari perayaan tersebut. Dapatan kajian juga menunjukkan kaedah penyediaan takwim hijri yang berbeza antara negara Malaysia (kaedah Imkanur-rukyah) dengan Arab Saudi (kaedah Umm al-Qura) boleh menyebabkan tarikh merukyah hilal Zulhijjah kedua-dua negara berbeza. Sementara analisis data kenampakan hilal dari tahun 1415H hingga 1431H mengesahkan *maṭla'* hilal kedua-dua negara adalah berbeza. Analisis data juga mengesahkan sekiranya negara Malaysia menerimapakai hasil kenampakan hilal Zulhijjah negara Arab Saudi, maka lebihan hari bulan Zulhijjah (31 hari) dan kekurangan hari bulan Zulkaedah (28 hari) berlaku kepada negara Malaysia sepertimana yang pernah terjadi sepanjang tahun 1968 hingga 1993. Faktor-faktor perbezaan tarikh sambutan Aidiladha kedua-dua negara banyak dipengaruhi oleh faktor *maṭla'*. Selain faktor tersebut, faktor hilal yang didakwa kelihatan di negara Arab Saudi ketika data menunjukkan hilal belum lahir dan juga hilal didakwa kelihatan di negara tersebut ketika data menunjukkan hilal tiada atas ufuk turut menyumbang kepada perbezaan tarikh sambutan Aidiladha kedua-dua negara.